

Rashid BH-13/1/2007 mahu jumpa PM isu SPR

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi membincangkan mengenai undang-undang pilihan raya supaya pilihan raya dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan telus.

Pengerusinya, Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman, berkata walaupun undang-undang sedia ada mampu menjamin perjalanan pilihan raya yang telus dan lancar, masih ada ruang untuk memperbaiki kelemahan yang ada.

"Saya harap pertemuan ini dapat diadakan dalam masa terdekat atau selepas pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Talam memandangkan masih ada ruang dalam undang-undang pilihan raya untuk diperbaiki," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Katanya, SPR juga bercadang mengadakan perbincangan dengan semua parti politik termasuk pembangkang bagi mendapatkan pandangan mereka mengenai kaedah terbaik mengukuhkan undang-undang pilihan raya.

Antara peraturan dan akta yang diguna pakai dalam pilihan raya ketika ini ialah Akta Pilihan Raya 1958, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981 dan Kod Etika Pilihan Raya yang mula diperkenalkan Mei lalu.

Sementara itu, ketika mengulas mengenai tindakan Pas dan Keadilan memboikot pilihan raya kecil DUN Batu Talam, beliau berkata, sukar bagi SPR untuk memuaskan hati semua pihak terutama pembangkang walaupun usaha untuk 'membersihkan' daftar pemilih daripada 'pengundi hantu' sudah dijalankan dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara.